

Kursus Jangka Pendek ‘Surfer 8’

Oleh **Norwahidatul Azura Zainon Najib**
Pensyarah

Kursus Jangka Pendek ‘Surfer 8’ merupakan kursus yang dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan dengan penggunaan perisian modeling Surfer. Surfer adalah perisian yang digunakan bagi menafsir dan menukar data tiga dimensi kepada beberapa bentuk pemetaan iaitu peta kontur, peta permukaan 3D, peta wireframe 3D dan sebagainya. Kursus ini merupakan kursus jangka pendek yang kedua dijalankan oleh pusat pengajian

pada tahun 2009. Kursus sehari ini diadakan pada 19 Mac 2009 bertempat di Makmal Simulasi Komputer PPKAS.

Kursus dikendalikan sepenuhnya oleh Prof Dr Md Ghazaly Shaaban iaitu pensyarah pelawat dari Universiti Malaya. Jumlah peserta bagi kursus adalah seramai 20 orang dari dalam dan luar UniMAP. Staf akademik PPKAS menggunakan peluang ini bagi mendapat pendedahan berkenaan penggunaan perisian ini dalam melaksanakan tugas sebagai tenaga pengajar. Di akhir kursus, peserta diharap dapat memantapkan lagi ilmu dan pengetahuan yang diperolehi dengan membuat latihan yang diberi, disamping sentiasa menggunakannya sebagai salah satu bahan penting dalam aktiviti penyelidikan dan pengajaran.